

## BAB II

### KONSEP DAN DASAR JUAL BELI MURĀBAHĀH

#### 2.1. Pengenalan

Pembiayaan mengikut prinsip Syariah, khasnya di Indonesia, telah ditetapkan di dalam undang-undang nombor 21 tahun 2008 tentang Perbankan Syariah. Di dalam undang-undang tersebut dinyatakan bahawa perbankan di Indonesia telah menerima kesahihan prinsip-prinsip Syariah dalam operasi perbankan. Penerapan prinsip Syariah secara lebih detail disebutkan dalam pasal 1 ayat 12 yang berbunyi sebagai berikut:

*“Prinsip Syariah adalah prinsip hukum Islam dalam kegiatan perbankan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh lembaga yang memiliki kewenangan dalam penetapan di bidang Syariah.”<sup>28</sup>*

Berdasarkan peraturan tersebut, maka segala aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah institusi kewangan Islam mestilah sesuai dengan ketetapan yang telah digariskan oleh Syariah. Di Indonesia, ketetapan Syariah dalam kewangan Islam diatur dalam fatwa-fatwa Dewan Syariah Nasional Majlis Ulama Indonesia (DSN-MUI).

Dalam kaitannya dengan pembiayaan yang diberikan oleh sesebuah institusi kewangan Islam, *murābahah* termasuk salah satu akad yang telah disepakati keharusannya di dalam muamalah.<sup>29</sup> Hal ini bermakna, jika sesebuah institusi kewangan Islam ingin melaksanakan aktiviti *murābahah*, maka ia mesti sesuai dengan panduan-panduan yang telah ditentukan oleh para ulama.

---

<sup>28</sup> Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah, 3.

<sup>29</sup> Mengenai hukum *murābahah* dalam muamalah akan didedahkan pada halaman 32.

Dalam bab ini akan didedahkan tentang konsep jual beli *murābahah*. Bermula dari pengertian, konsep, syarat dan rukun jual beli *murābahah*, landasan dari al-Quran dan hadith, serta pendapat para ulama tentang instrumen *murābahah*.

## 2.2. Konsep Jual Beli Dalam Islam

### 2.2.1. Pengertian Jual Beli

Jual beli dalam literatur fikah Islam disebut *al-Bay'*, makna secara lisan atau bahasa bererti menukar sesuatu dengan sesuatu.<sup>30</sup> Manakala jual beli secara syarak adalah tukar menukar harta dengan harta untuk memiliki dan memberi pemilikan.<sup>31</sup> Aḥmad al-Siyāghī memberi pengertian jual beli sebagai tukar menukar barang yang dimiliki dengan barang semisal.<sup>32</sup> Muḥammad Sakħāl al-Majājī<sup>33</sup> menjelaskan bahawa pengertian pemilikan barang boleh bererti wujud barang atau kemanfaatan. Dari beberapa pengertian jual beli tersebut terdapat kesamaan yang mengandungi hal-hal antara lain:

1. Aktiviti jual beli dilakukan oleh dua orang yang saling melakukan tukar-menukar.
2. Tukar menukar tersebut berlaku atas sesuatu barang atau sesuatu manfaat dari kedua-dua pihak.
3. Tukar menukar tersebut hukumnya sah, di mana kedua-dua pihak memiliki sesuatu yang diserahkan dengan adanya ketetapan jual beli dengan pemilikan abadi.

<sup>30</sup>Abū Ḥasan ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb Al-Māwardī, *al-Hāwiyy al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 5:10.

<sup>31</sup>‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah al-Muqaddisī Abū Aḥmad, *al-Mughnī* (Kaherah: Hajar, 1992), 6:5.

<sup>32</sup>Sharaf al-Dīn al-Ḥusayn Ibn Aḥmad Ibn al-Ḥusayn al-Siyāghī, *al-Raud al-Nadhīr Sharḥ Majmu‘ al-Fiqh al-Kabīr* (Thaifah: Maktabah al-Muayyid, 1968), 3:425.

<sup>33</sup>Muḥammad Sakħāl al-Majājī, *Aḥkām ‘Aqd al-Bay’ fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiy* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2001), 15.

## 2.2.2. Syarat jual beli dalam Islam

Adapun syarat jual beli adalah sebagai berikut:<sup>34</sup>

1. Hendaklah jual beli dilakukan dengan keredhaan kedua-dua pihak, dan tidak boleh jual beli dengan didasari rasa benci, sebab jual beli yang didasari rasa benci adalah tidak sah.
2. Tidak boleh melakukan jual beli sesuatu yang dilarang syarak disebabkan oleh ketidaktahuan, syarat yang tidak sah, dan sesuatu yang sudah jelas dilarang seperti jual beli *mulāmasah*<sup>35</sup> dan *munābadhah*<sup>36</sup>.
3. Tidak boleh melakukan jual beli atas barang yang dilarang syarak seperti khamar dan khinzir.
4. Hendaklah berpindah tempat setelah melakukan akad jual beli, dan ini dilakukan sebagai tanda keredhaan kedua-dua pihak.

Syarat pertama sampai syarat ketiga merupakan syarat sah akad jual-beli, manakala syarat keempat dilakukan setelah akad jual beli dinyatakan sah.

---

<sup>34</sup> Al-Māwardī, *al-Hāwiy al-Kabīr*, 13.

<sup>35</sup> Jual beli *mulāmasah* adalah jual beli suatu barang hanya dengan menyentuhnya tanpa dapat melihat bentuk daripada barangnya disebabkan keadaan gelap atau sebab lainnya. Jual beli seperti ini dilarang dalam Islam sebab mengandungi unsur *gharār* (ketidakjelasan). Lihat Muḥammad Sakħāl al-Majājī, *Aḥkām ‘Aqd al-Bay‘ fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiy*, 194. Lihat juga Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitāb Al-Buyū‘*, Bāb Bay‘ al-Mulāmasah, no. 2144. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘il Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 2:101.

<sup>36</sup> Jual beli *munābadhah* adalah jual beli dimana penjual membaling baju kepada pembeli, dan juga sebaliknya. Atau penjual baju berkata "saya jual baju ini", lalu ia membaling kayu, di mana kayu itu jatuh, maka baju itu yang dijual. Jual beli seperti ini adalah tidak sah. Lihat lebih jelas di Abū Muḥammad Maḥmūd Bin Aḥmad al-‘Ainī, *al-Bayānah fī Sharḥ al-Hidāyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 7:211. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, 2:101.

### **2.2.3. Rukun Jual Beli dalam Islam**

Adapun rukun jual beli iaitu:<sup>37</sup>

1. *Sīghah*, iaitu ucapan *ījāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan), diibaratkan sebagai petanda keredhaan kedua-dua pihak.

Menurut al-Imām al-Shāfi'ī, *sīghah* mesti dengan ucapan kedua-dua pihak, iaitu penjual dengan mengucapkan "saya jual" dan pembeli dengan mengucapkan "saya beli". Tidak cukup hanya *al-mu'ātah*<sup>38</sup> sahaja, melainkan mesti ada ucapan "saya jual" sekaligus sebagai pengganti ucapan "saya beli".<sup>39</sup>

Manakala Abū Ḥanīfah mensahkan *sīghah* walau hanya dengan *al-mu'ātah*.<sup>40</sup> Ulama maliki juga berpendapat sebagaimana *al-mu'ātah* dibolehkan, justeru boleh juga hanya dengan gerakan kepala atau isyarat tangan sebagai petanda keredhaan.<sup>41</sup>

Begini juga menurut al-Imām al-Ḥanbalī, bahawa *al-mu'ātah* sah dalam *sīghah* jual beli.<sup>42</sup>

2. *Al-'Āqid*, iaitu orang/pihak yang melakukan akad/kontrak secara langsung, sama ada pihak pemilik mahupun pihak lain yang dijadikan wakil. Dan merupakan syarat daripada *al-'āqid* ialah seseorang yang mukallaf, dan tidak termasuk di dalamnya anak kecil atau orang gila sama ada dengan izin walinya atau tanpa izin dari walinya.

<sup>37</sup> Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wajīz fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirut: Syirkah Dār al-Arqām Ibn Abī al-Arqām, 1997), 277-280. Lihat juga al-Nawawī, *Rauḍah al-Tālibīn* (al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār 'Ālam al-Kutub, 2003), 3:3-28.

<sup>38</sup> *Al-Mu'ātah* bermakna penjual memberikan barang dan pembeli memberikan wang, walau tidak ada percakapan antara kedua-dua pihak, kerana hal itu merupakan petanda keredhaan keduanya.

<sup>39</sup> Lihat juga Abū Iṣhāq Ibrāhīm Ibn 'Alī Ibn Yūsuf al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 2:3-4.

<sup>40</sup> Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wasīt fī al-Madhab*, ed. Aḥmad Maḥmūd ibrāhīm (al-Azhār: Dār al-Salām, 1997), 2: 8.

<sup>41</sup> Muhammad Sakhāl al-Majjājī, *Aḥkām 'Aqd al-Bay' fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiyah*, 60.

<sup>42</sup> Waḥbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Ḥanbalī al-Muyassar bi Adillatih wa Taṭbiqātih al-Mu'āṣirah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1997), 2:227.

3. *Al-Ma‘qud ‘alaihi*, iaitu barang yang dijadikan objek. Dan syarat *al-ma‘qud ‘alaihi* ada lima, iaitu:

a. Suci.

Barang yang dijadikan objek tidak boleh barang yang mengandung najis, seperti anjing, khinzir dan khamar.

b. Bermanfaat.

Hendaklah tidak melakukan akad jual beli terhadap barang yang tidak bermanfaat, seperti jual beli kalajengking, ular dan semacamnya.

c. Kepemilikan mutlak

Tidak boleh menjual barang yang bukan miliknya.

d. Dalam jangkauan penyerahannya.

Tidak boleh menjual barang yang diluar jangkauan penyerahannya, seperti jual beli burung merpati yang berada di udara atau ikan yang berada di dalam air.

e. Jelas/maklum.

Barang yang dijadikan objek mestilah barang yang jelas wujudnya. Seperti tidak boleh menjual lembu pada malam hari yang gelap kerana tidak jelas wujud objeknya.

## **2.3. Jual Beli *Murābahah***

### **2.3.1. Pengenalan Jual Beli *Murābahah***

*Murābahah* adalah salah satu jenis jual beli di dalam muamalah. Jika diperhatikan di dalam literatur fiqh, jual beli atau *bay‘* terbagi dua jenis, iaitu *al-musāwamah* dan *al-amānah*. *Bay‘ al-musāwamah* ialah kesepakatan dua pihak atas suatu harga barang

dengan melihat harga awal yang ditawarkan penjual. Contoh: Penjual memberikan harga barang seratus, lalu pembeli menawar barang tersebut dengan harga delapan puluh, maka berlakulah kesepakatan harga diantara keduanya iaitu Sembilan puluh.<sup>43</sup>

Manakala *bay‘ amānah* terbagi dalam tiga bahagian, iaitu *bay‘ al-taulīyyah*, *bay‘ al-wadīyah* dan *bay‘ al-murābahah*. *Bay‘ al-taulīyyah* adalah penjual menjual barang dengan harga awal tanpa mengambil keuntungan ataupun tanpa mengalami kerugian. *Bay‘ al-Wadīyah* adalah penjual menjual barang dengan harga lebih rendah dari harga awal . *Bay‘ al-Murābahah* adalah penjual menjual barang dengan harga awal ditambah dengan keuntungan.<sup>44</sup>

Pelaksanaan instrument *murābahah* mesti menggunakan akad, dan akad *murābahah* merupakan salah satu dari akad jual beli yang diketahui oleh ramai umat muslim dan sudah ramai diaplikasikan di bank-bank Islam sebagai salah satu sarana untuk pemilikan sesuatu barang dengan cara memesan kepada pihak bank, dan setelah barang tersebut dimiliki oleh pihak bank selanjutnya dibeli oleh pemesan barang.<sup>45</sup>

*Murābahah* sangat berguna bagi seseorang yang memerlukan barang secara mendesak akan tetapi kekurangan persediaan modal pada saat itu. Orang tersebut boleh mengajukan pembiayaan kepada institusi kewangan untuk membelikan barang yang diperlukannya, dengan perkiraan harga pembelian ditambah keuntungan (*mark up*).

<sup>43</sup> Al-Māwardī, *al-Hāwiyy al-Kabīr*, 279.

<sup>44</sup> Abū Muḥammad Maḥmūd Bin Aḥmad al-‘Ainī, *al-Bayānah fī Sharḥ al-Hidāyah*, 5. Lihat juga Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Bay‘ al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā’ Kamā Tujrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, 91.

<sup>45</sup> ‘Abd al-Samī‘ al-Miṣrī, *al-Tijārah fī al-Islām* (Miṣr: Dār al-Taufiq al-Namūzajīyyah, 1986), 65.

### **2.3.2. Pengertian *Murābahah*.**

*Murābahah* berasal dari bahasa Arab, iaitu dari kata *rabiha-yarbau*. Dalam kamus *al-mawrid* kata *rabiha-yarbau* bererti untung.<sup>46</sup> Manakala dalam kamus *Lisān al-‘Arab*, *murābahatun* adalah kata terbitan dari *arbaha-yurbihu* yang bererti memberi keuntungan.<sup>47</sup> Dalam *Mu‘jam al-Wasīt*, kata *Murābahah* bererti juga keuntungan yang terhasil dari jual beli, atau dengan kata lain penambahan harga di dalam perniagaan.<sup>48</sup>

Manakala dari segi istilah syarak, *murābahah* bermaksud proses jual beli dengan keuntungan yang sedia maklum.<sup>49</sup> Para ulama mendefinisikan *murābahah* dengan berbagai redaksi yang berbeza namun masih menyatakan maksud yang sama. Al-Shīrāzī dalam kitab *al-Muhadhdhab*<sup>50</sup>, menjelaskan *murābahah* sebagai jual beli dengan menyatakan harga modal dan besaran keuntungan, iaitu dengan mengatakan saya jual barang ini seharga seratus, saya menjualnya pada harga awal dan ditambah keuntungan satu dirham pada tiap sepuluh dirham. Atau boleh juga dengan mengatakan "saya jual barang ini pada harga seratus sepuluh dirham, iaitu harga awal langsung digabung dengan keuntungan.

Menurut Ibn Qudāmah<sup>51</sup>, *murābahah* ialah menjual sesuatu dengan mengambil keuntungan dan mengatakan bahawa modal awal saya adalah sekian dan keuntungan yang saya dapat adalah sekian.

Al-Marghīnānī dalam kitab "*al-Hidāyah*" mendefinisikan *murābahah* sebagai pemindahan hak milik suatu barang dengan akad pada penetapan harga awal ditambah keuntungan.<sup>52</sup>

<sup>46</sup> Rohi Baalbaki, *al-Mawrid* (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1995), 575.

<sup>47</sup> Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1990), 3:442.

<sup>48</sup> Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu‘jam al-Wasīt* (Turkey: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1972), 1:322.

<sup>49</sup> Abū Bakr Mas‘ūd Ibn Aḥmad al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī tartīb al-Sharā’i‘* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 5:135.

<sup>50</sup> al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 57.

<sup>51</sup> ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah al-Muqaddisī Abū Aḥmad, *al-Mughnī* (Beirut: Dār Kitāb al-‘Arabī, 1392), 4:102.

Ibn Rushd memberikan definisi *murābahah* sebagai jual-beli barang pada harga modal ditambah harga keuntungan yang telah disepakati.<sup>53</sup>

Dari berbagai definisi *murābahah* yang diberikan oleh para ulama di atas, walaupun dengan redaksi yang berbeza, namun dapat diambil persamaan maksud bahawa *murābahah* merupakan jual beli pada harga awal (modal) ditambah keuntungan, sama ada penggabungan harga (modal+keuntungan) atau juga pengasingan harga antara modal dan keuntungan.

Untuk lebih jelasnya kita lihat contoh jual beli *al-murābahah* adalah sebagai berikut: Umpamanya seorang penjual mengatakan kepada seorang pembeli bahawa kos untuk membeli rumah yang dijual ialah RM50,000.00 dan rumah itu dijual dengan harga kos iaitu RM50,000.00 ditambah untung sebanyak RM10,000.00. maka jadilah harga rumah itu RM60,000.00 yang boleh dibayar tunai atau tangguh pada suatu masa yang akan datang yang dipersetujui. Bayaran secara tangguh boleh dibuat secara tunai atau secara ansuran bulanan atau tahunan mengikuti perjanjian yang dibuat antara kedua-dua pihak yang terlibat.<sup>54</sup>

Jual beli *murābahah* telah ramai dipraktikkan di bank-bank Islam. Pelaksanaan jual beli *murābahah* terbahagi menjadi dua: yang pertama, iaitu jual beli *murābahah* atas suatu barang yang sudah dikuasai atau belum dimiliki oleh pihak penjual (pihak bank) ketika negosiasi atau berkontrak dengan pelanggan. Manakala yang kedua ialah jual beli *murābahah* atas suatu barang yang belum dikuasai atau belum dimiliki oleh penjual (pihak bank) ketika bertransaksi dengan pelanggan, sehingga mesti dibuat perjanjian terlebih dahulu, iaitu janji oleh penjual (pihak bank) untuk membelikan

---

<sup>52</sup> ‘Alī Ibn Abī Bakr Ibn ‘Abd al-Jalīl al-Marghīnānī, *al-Hidāyah* (Pakistan: Idārah al-Qur‘ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1417H), 5:156.

<sup>53</sup> Abū al-Walīd Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Dār al-Qalam, 1988), 2:216.

<sup>54</sup> Joni Tamkin Borhan "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia, *Jurnal Usuluddin* 13 (Julai 2001), 131.

barang dan janji oleh pelanggan untuk membeli barang tersebut jika sudah menjadi milik penjual. Jual beli yang kedua ini lebih dikenal dengan *al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*.<sup>55</sup> Dalam Institusi Perbankan, prosedur pelaksanaan jual beli *murābahah* biasanya terbahagi kepada empat tahapan, iaitu:<sup>56</sup>

1. Pelanggan atau calon pembeli mengajukan rayuan ke pihak bank untuk membelikan barang yang diperlukan dengan menyebutkan ciri-ciri daripada barang tersebut.
2. Pihak bank mempelajari rayuan dari pelanggan. Jika pihak bank bersetuju untuk membelikan barang tersebut (barang yang sesuai ciri-ciri yang disebutkan calon pembeli), maka pihak bank akan membuat kesepakatan harga barang, iaitu harga modal ditambah harga keuntungan, jika pelanggan bersetuju dengan harga yang diminta bank, maka pihak bank akan menetapkan akad perjanjian kepada pihak pelanggan yang akan membeli barang tersebut.
3. Pihak bank membeli barang (jika pihak bank belum memilikinya), iaitu yang sesuai dengan ciri-ciri yang diminta oleh pelanggan. Lalu jadilah barang tersebut milik bank.
4. Jika barang tersebut sudah dimiliki bank, selanjutnya pihak bank bertanggungjawab atas segala kerosakan barang dan mesti mengembalikan barang ke penjual awal jika terdapat aib pada barang tersebut, sampai masanya untuk melakukan jual beli dengan pelanggan sesuai syariat islam.

---

<sup>55</sup> Muhammad Syafi'i Antonio, *Perbankan Syariah, dari Teori ke Praktik*, 103.

<sup>56</sup> 'Abd al-Samī' al-Miṣrī, *Al-Tijārah fi al-Islām*, 67-68.

### **2.3.3. Hukum Jual Beli *Murābahah* dalam Islam**

*Murābahah* adalah salah satu jenis kontrak jual beli, sebab itu *murābahah* dihukumi sesuai dengan hukum jual beli.<sup>57</sup> Jual beli termasuk muamalah dalam Islam dan sesungguhnya hukum asal daripada muamalah adalah diharuskan, kecuali ada dalil nas yang melarangnya. Maka hukum asal daripada sebuah akad adalah harus. Hukum muamalah berbeza dengan hukum ibadah. Asal hukum ibadah adalah haram kecuali ada dalil nas yang mengharuskannya.<sup>58</sup>

Perkara tentang jual beli sungguh terdapat dalam nas al-Quran, iaitu dalam surah al-Baqarah (2): 275

.... وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا .....

.....Dan Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba...

Al-Imām al-Shāfi‘ī mengulas ayat ini dalam kitabnya "al-Umm", bahawa asal daripada jual beli semuanya adalah harus (*mubāh*) jika dilakukan atas dasar keredhaan antara kedua-dua pihak. Kecuali apa-apa yang dilarang oleh Rasulullah saw.<sup>59</sup>

Menurut Ulama Hanafiyah, sebagaimana disebutkan oleh Abū Bakr al-Marghīnānī dalam kitab *al-Hidāyah*, bahawa berdasarkan ayat di atas jual beli *murābahah* diharuskan selama masih mengandungi syarat-syarat keharusannya, iaitu jelas barang dan harganya, tidak ada paksaan dalam berkontrak, *al-‘āqid* sudah berakal dan baligh, dan juga adanya pertukaran harta dengan harta.<sup>60</sup>

<sup>57</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Bay‘ al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā’ Kamā Tujrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, 15.

<sup>58</sup> Abī ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Majīd Jum‘ah al-Jazāirī, *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah* (Mamlakah : Dār Ibn Qayyim, 2006), 542.

<sup>59</sup> Al-Imām Muḥammad Ibnu Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm* (al-Munawwarah: Dār al-Wafā’, 2001), 4: 5.

<sup>60</sup> Baca lebih jelas di Al-Imām Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī Ibnu Abī Bakr al-Marghīnānī, *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadi’* (Pakistan: Idārah al-Qur‘ān wa al-‘Ulūm al-Islāmiyyah, 1417H), 5:3.

Imam Malik juga mengharuskan jual beli *murābahah*,<sup>61</sup> dan pembeli mesti membeli barang dari pihak kedua (yang membelikan barang untuknya) dengan harga yang telah disepakati atas barang tersebut. Sebab ketika pembeli meminta pihak kedua untuk membelikan barang, dia telah berjanji untuk membeli dari pihak kedua, dan hal seperti ini termasuk ke dalam *iltizām mālī* (kesan kewangan).<sup>62</sup>

Ibn Qudāmah dalam kitabnya *al-Mughnī* mengatakan bahawa *bay‘ al- murābahah* adalah harus selama harga modal dimaklumi, iaitu dengan mengatakan "modal awal saya di barang ini adalah 100, dan saya jual kepadamu seharga itu dengan keuntungan saya 10."<sup>63</sup>

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī, ayat ini mengandungi makna jual beli secara luas, sama ada jual beli barang dengan barang (*al-muqayyadah*), wang dengan wang (*al-sarf*), wang dengan barang (*al-salām*), barang dengan wang (jual beli *mutlak*), mahupun jual beli kontan atau bertempoh, atau jual beli *al-musāwamah* atau *al-amānah* (*al-murābahah*, *al-taulīyyah*, dan *al-wadī‘ah*). Semua jual beli tersebut adalah halal, sebab semua itu termasuk ke dalam jual beli yang dihalalkan oleh Allah SWT, kecuali apa-apa yang diharamkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya melalui nas.<sup>64</sup>

#### 2.3.4. Landasan Hukum Jual Beli *Murābahah*

##### 2.3.4.1. Dalil Al-Quran

... وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا....

(Al-Baqarah (2):275)

Terjemahan: ...Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba....

<sup>61</sup> Al-Imām Mālik Ibn Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 4:227.

<sup>62</sup> Muḥammad Rawās Qal‘ahjī, *Mabāhith fī al-Iqtisādiyyah al-Islāmiyyah Min Uṣūlih al-Fiqhiyyah* (Beirut: Dār al-Nafāis, 1997), 142-143.

<sup>63</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 6:266.

<sup>64</sup> Baca lebih jelas di Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Bay‘ al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā’ Kamā Tujrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, 15.

وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَأَيَعْثُمْ ...

(Al-Baqarah (2): 282)

Terjemahan: ...Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual-beli...

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِحَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

...

(Al-Nisā' (4): 29)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهْدِ ...

(Al-Mā'idah (5): 1)

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian....

... وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

(Al-Isrā' (17):34)

Terjemahan: ....Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), Sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ ...

(Al-Mā'idah (5):4)

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): "Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka?" bagi menjawabnya katakanlah: "Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik-baik....

وَيْلٌ لِّلْمُطَفَّفِينَ (١) الَّذِينَ إِذَا أَكَلُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ (٢) وَإِذَا كَانُوا هُنْ أَوْ وَرَبُّوْهُمْ يُخْسِرُونَ (٣)

(Al-Muṭaffifīn (83):1-3)

Terjemahan: Kecelakaan besar kepada orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), (iaitu) mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.

#### 2.3.4.2. Dalil dari hadith

1. Hadith daripada ‘Āishah r.a.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا : أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا إِلَى أَجْلٍ وَرَهَنَهُ دِرْعَةً

Terjemahan: Dari ‘Āishah r.a.: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan menangguhkan bayaran kepada tempoh yang ditentukan dan mencagarkan baju besinya sebagai jaminan.”<sup>65</sup>

Hal ini menunjukkan bahawa *murābahah*, iaitu jual barang dengan bayaran tangguh, pernah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri yang membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan menangguhkan bayarannya.

<sup>65</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Rahn, Bāb: Man rāhana dir‘ah. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Markaz al-Dirāsāt wa al-I'lām, t.t), 3:115.

## 2. Dari Suhayb al-Rūmi r.a. :

عَنْ صَالِحٍ بْنِ صُهَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ( ثَلَاثٌ فِيهِنَّ  
الْبَرَكَةُ . الْبَيْعُ إِلَى أَجْلٍ وَالْمُقَارَضَةُ وَإِخْلَاطُ الْبُرُّ بِالشَّعْبِ لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ )

Terjemahan: Dari Suhayb r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiga perkara yang di dalamnya terdapat berkat (iaitu), jual beli secara tangguh, muqaradah, dan mencampur gandum dengan tepung untuk kegunaan di rumah bukan untuk jualan.”<sup>66</sup>

Hal ini menunjukkan jual beli secara tangguh adalah dianjurkan, kerana terdapat keberkahan di dalamnya.

## 3. Hadith daripada Abū Nājih :

حَدَّثَنَا عَلَيُّ ابْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ أَبِي بَحْرٍ وَقَالَ ( فَلِئِسْلِفُ فِي كُلِّ  
مَعْلُومٍ إِلَى أَجْلِ مَعْلُومٍ )

Terjemahan: “(Sesiapa yang berhutang), maka hendaklah mengikuti timbangan yang tertentu kepada tempoh yang tertentu.”<sup>67</sup>

Hal ini menunjukkan sesiapa yang berhutang hendaklah mengikuti timbangan yang tertentu dan dalam masa tempoh yang ditentukan.

<sup>66</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Shirkah wa al-Muḍārabah, no. 2289. Lihat Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Bānī (Beirūt: al-Maktabah al-Ma‘ārif, 1417H), 392.

<sup>67</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Salam, Bāb: al-Salam fī Wazn Ma‘lūm. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyād: Markaz al-Dirāsāt wa al-I‘lām, t.t), 3:44.

### **2.3.4.3. Fatwa-fatwa Ulama**

Terdapat beberapa fatwa ulama tentang keharusan hukum jual beli *murābahah*, diantaranya:

1. Fatwa Penasihat Bayt al-Tamwīl al-Kuwait "Al-Syaikh Badr al-Mutawalī 'Abd al-Basīṭ" (Tarikh 4 Jumādī Al-Ākhirah tahun 1399H)

Beliau diminta memberikan fatwa oleh ketua Majlis Idārah Bayt al-Tamwīl al-Kuwait yang berhubungkait dengan keharusan dalam membeli barang secara tunai untuk pelanggan, kemudian menjualnya kepada mereka dengan tangguh, dan dengan harga yang lebih tinggi dari harga tunai. Atau seseorang yang ingin membeli barang tetapi ia tidak mampu membayarnya secara tunai, kemudian seseorang tersebut merayu kepada pihak *Bayt al-Tamwīl al-Kuwait* untuk membelikan barang tersebut untuknya, lalu pihak *Bayt al-Tamwīl al-Kuwait* membelinya dengan harga tunai dan menjual ke pelanggan dengan tangguh beserta tambahan harga keuntungan seperti yang telah disepakati sebelumnya.

Maka Syaikh Badr al-Mutawalī 'Abd al-Basīṭ menjawab bahawa sesungguhnya apa yang diminta oleh pelanggan adalah dianggap sebagai janji. Dan beliau mengakui bahawa para ulama telah berbeza pendapat mengenai janji seperti ini, apakah janji seperti ini wajip dipenuhi atau tidak. Tetapi beliau lebih bersetuju kepada pendapat Ibn Shubrumah yang mengatakan bahawa setiap janji yang mengikat jika tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal maka janji itu wajip dipenuhi.<sup>68</sup>

---

<sup>68</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Bay' al-Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā' Kamā Tujrīh al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, 9.

2. Fatwa Muktamar Perbankan Islam yang Pertama di Dubai (Jumādī Al-Ākhirah 1399H / Mei 1979)

Peserta yang hadir dalam persidangan tersebut sebanyak 59 Ulama dari pelbagai penjuru dunia menfatwakan suatu kes, iaitu:

Seorang pelanggan merayu kepada pihak bank untuk membelikan suatu barang dengan menentukan ciri-ciri barang tersebut, lalu pihak bank menentukan harga yang dikeluarkan bank untuk membeli barang tersebut dan juga harga yang mesti dibayarkan pelanggan kepada bank, iaitu harga modal ditambah keuntungan yang telah disepakati kedua-dua pihak.

Lalu difatwakan bahawa muamalah seperti ini mengandungi dua janji, iaitu janji dari pihak bank untuk membelikan barang tersebut dan janji dari pelanggan untuk membeli barang tersebut setelah barang dimiliki oleh bank. Menurut mazhab maliki janji seperti itu adalah mengikat kedua-dua pihak dalam hukum mahkamah, manakala menurut mazhab yang lain perjanjian seperti itu adalah mengikat kedua-dua pihak menurut hukum agama. Apa-apa sesuatu yang bersifat mengikat menurut hukum agama maka memungkinkan hukum mahkamah untuk ikut mengikat, sebab jika perjanjian itu menjadi pencapaian *maṣlahah* maka mahkamah dapat mencampurinya.<sup>69</sup>

3. Fatwa Muktamar Perbankan Islam Kedua, diadakan di Kuwait, Mac 1983.

Dalam muktamar ini membabitkan 12 institusi kewangan dan sejumlah ulama. Dari beberapa fatwa yang dihasilkan, ada dua poin yang berhubungkait dengan *Bay‘ al- Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*, iaitu:

- Muktamar menetapkan bahawa perjanjian pada *Bay‘ al- Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*, setelah pembeli membeli barang dan memilikinya, kemudian dijual kepada pelanggan pada keuntungan yang telah disepakati

---

<sup>69</sup> *Ibid.*, 10.

di awal adalah muamalah yang diharuskan, selama pihak bank bertanggungjawab atas kerosakan barang sebelum diserahkan ke pelanggan.

Manakala mengenai perjanjian yang mengikat antara pelanggan dan pihak bank, maka itu lebih aman untuk kemaslahatan muamalah, dan hal demikian dapat diterima menurut syarak.

- Muktamar memandang bahawa wang muka (urbun) dalam instrumen *murābahah* adalah harus dengan syarat pihak bank boleh memotong wang muka tersebut hanya setakat yang dicapai oleh kerosakan sebenar sebagai hasil pemindahan.<sup>70</sup>

4. Majlis fiqh dalam muktamar Islam sesi kelima, yang diadakan di Kuwait pada bulan Disember 1988.<sup>71</sup>

Majlis fiqh telah memfatwakan bahawa:

- Sesungguhnya *Bay‘ al- Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*, jika barang sudah dimiliki bank dan barang itu didapati selari dengan syarak maka ianya harus, selama pihak bank bertanggungjawab atas kerosakan yang berlaku pada barang sebelum diserahkan ke pelanggan.
- Suatu janji (dalam *Bay‘ al- Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā*) adalah mesti ditunaikan. Dan impak daripada kewajipan ini terhad pada dua hal, iaitu pelaksanaan janji ataupun pembayaran jaminan disebabkan pembatalan janji tanpa uzur.
- Saling mengadakan perjanjian dalam *Bay‘ al- Murābahah li al-Āmir bi al-Shirā* adalah harus dengan syarat adanya *khiyār* (pilihan) bagi kedua-dua pihak. Jika tidak ada *khiyar* dalam perjanjian tersebut maka tidak diharuskan, sebab perjanjian yang saling mengikat dalam *bay‘ murābahah*

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, 10-11.

<sup>71</sup> Muḥammad Rawwās Qal‘ahjī, *Mabāhith fī al-Iqtisādiyyah al-Islāmiyyah Min Uṣūlih al-Fiqhiyyah*, 143. Lihat juga Muḥammad Sakhāl al-Majājī, *Aḥkām ‘Aqd al-Bay‘ fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiy*, 336-337.

menyerupai *bay'* itu sendiri. Kecuali jika barang sudah dimiliki oleh pihak penjual maka terhindarlah daripada larangan Nabi s.a.w. tentang jual beli barang yang bukan miliknya.

### **2.3.5. Syarat dan Rukun *Murābahah***

#### **2.3.5.1. Syarat Jual Beli *Murābahah***

Memandang *murābahah* termasuk salah satu muamalah jual beli, maka syarat-syaratnya tertakluk pada syarat jual beli sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, iaitu:<sup>72</sup>

- a) Hendaklah jual beli dilakukan dengan keredhaan kedua belah pihak, dan tidak boleh jual beli dengan didasari rasa benci, sebab jual beli yang didasari rasa benci adalah tidak sah.
- b) Tidak boleh melakukan jual beli sesuatu yang dilarang syarak, iaitu disebabkan oleh ketidaktahuan, syarat yang tidak sah, dan sesuatu yang sudah jelas dilarang seperti jual beli *mulāmasah* dan *munābadhah*.
- c) Tidak boleh melakukan jual beli atas barang yang dilarang syarak seperti khamar dan khinzir.
- d) Hendaklah berpindah tempat setelah melakukan akad jual beli, dan ini dilakukan sebagai tanda keredhaan kedua belah pihak.

Selain itu ada pula syarat tambahan untuk jual beli *murābahah*, iaitu:<sup>73</sup>

- e) Harga atau kos sebenar mestilah jelas menurut kesepakatan kedua belah pihak.
- f) Keuntungan mestilah terhadkan sesuai kemampuan atau terhad sesuai harga beli.
- g) Pelanggan mesti menyebutkan ciri-ciri barang objek *murābahah*.

<sup>72</sup> Al-Māwardī, *al-Hāwiyy al-Kabīr*, 13.

<sup>73</sup> ‘Abd al-Samī‘ al-Miṣrī, *Al-Tijārah fi al-Islām*, 66. Lihat juga Yūsuf Kamāl Muḥammad, *Fiqh Iqtisād al-Sūq* (Kaherah: Dār al-Nashar li al-Jāmi‘āt, 1998), 189. Muhammad Syafi‘i Antonio, *Perbankan Syariah, Dari Teori ke Praktik*, 102.

- h) Pihak penyedia barang mesti menjelaskan kepada pelanggan jika terdapat aib pada barang.
- i) Kontrak mesti bebas daripada amalan riba.
- j) Pihak penyedia barang mesti menyampaikan semua hal yang berhubungkait dengan pembelian, misalnya jika pembelian dilakukan dengan cara tangguh.

### **2.3.5.2. Rukun Jual Beli *Murābahah***

Rukun jual beli *murābahah* juga tertakluk kepada rukun jual beli pada umumnya.

Iaitu:<sup>74</sup>

- a) *Sīghah*, iaitu ucapan *ījāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan).
- b) *Al-‘Āqid*, iaitu orang yang melakukan akad.
- c) *Al-Ma‘qud ‘alaih*, iaitu barang yang dijadikan objek.

### **2.3.6. Jenis Jual Beli *Murābahah* Berdasarkan Cara Menentukan Keuntungan**

Berdasarkan cara penentuan keuntungan, maka jual beli *murābahah* dapat digolongkan kepada dua jenis, iaitu:<sup>75</sup>

1. Keuntungan yang terasing dengan harga awal.

Iaitu menentukan kadar keuntungan dengan tidak mengaitkan antara besaran keuntungan dengan harga awal. Contoh: *Saya membeli rumah ini 10.000 dinar, dan berilah saya keuntungan sebesar 500 dinar, maka akan saya jual rumah ini.*

---

<sup>74</sup> Abū Hāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wajīz fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, 277-280

<sup>75</sup> M. Sakhāl al-Majājī, *Aḥkām ‘Aqd al-Bay’ fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiy*, 341-342.

## 2. Keuntungan yang tergabung dengan harga awal.

Iaitu dengan menjadikan keuntungan dalam bentuk peratusan yang tergabung dengan harga awal. Contoh: *Saya beli rumah ini 10.000 dinar, maka berilah saya keuntungan 5% darinya.*

### 2.3.7. Cara Penentuan Harga Pada *Murābahah*

Dalam jual beli *murābahah* ada 2 mekanisme dalam asas penentuan keuntungan, iaitu penentuan keuntungan berdasarkan kesepakatan antara penjual dan pembeli dan penentuan keuntungan berdasarkan adat kebiasaan masyarakat tempatan.

Dengan kedua-dua mekanisme tersebut, penjual mesti menjelaskan harga modal secara detail ataupun secara global.<sup>76</sup>

Jika penjual telah membeli barang tanpa ada kos tambahan dalam pembelian mahupun kos atas barang, maka sudah jelas bahawa keuntungan dapat ditentukan tanpa ada sebarang permasalahan.

Namun, jika pembelian dilakukan dengan tambahan kos atas pembelian dan atas barang maka perlu dirincikan, iaitu:<sup>77</sup>

#### 1. Kos Pembuatan Barang.

Yang termasuk dalam kos ini ialah harga asal ditambah kos yang dikeluarkan untuk menambah kualiti barang. Seperti kos untuk menjahit dan mewarnai untuk jual baju.

#### 2. Kos Pemasaran.

Yang termasuk dalam kos ini ialah kos pemindahan/pengangkutan barang, upah broker, maupun kos sponsor.

#### 3. Kos Pentadbiran.

Yang termasuk dalam kos ini ialah yuran, komoditi caj, dan lain-lain.

---

<sup>76</sup> *Ibid*, 342-343.

<sup>77</sup> Ahmad Muḥammad Muḥammad al-Jalaf , *Al-Manhaj al-Muḥasibī li ‘Amaliyyāt al-Murābahah fī al- Maṣarif al-Islāmiyyah* (Kaherah: Al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikri al-Islāmī, 1996), 29-30.

Mengikut mazhab Mālikī, setelah menentukan perincian antara harga asal dan kos-kos tambahan, maka yang dijadikan sebagai acuan bagi pengambilan keuntungan adalah kos pembuatan barang. Manakala kos pemasaran dan kos pentadbiran tidak dikira jika hal tersebut merupakan suatu adat kebiasaan masyarakat tempatan.<sup>78</sup>

***Contoh Penentuan Keuntungan Mengikut Mazhab Mālikī:***

Seorang penjual telah membeli kain, lalu memotongnya, mewarnainya dan menjahitnya.

Adapun kos yang dikeluarkan adalah sebagai berikut:<sup>79</sup>

Harga kain	RM. 100.00	RM. 140.00
Upah mewarnai	RM. 15.00	
Upah menjahit	RM. 25.00	
Upah Broker	RM. 20.00	RM. 40.00
Upah pemindahan	RM. 10.00	
<u>Kos Pentadbiran</u>	<u>RM. 10.00</u>	
<b>Jumlah</b>	<b>RM. 180.00</b>	

Jika penjual ingin mengambil keuntungan sebesar 20%, maka dikira :  $140 \times 20\% = 28$ .

Jadilah harga jualan adalah  $180+28 = \text{RM. } 208.00$

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, 34. Lihat juga al-Imām Mālik ibn Anas, *Al-Muwatta'* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 2:376-377.

<sup>79</sup> *Ibid.*, 35. Lihat juga M. Sakhāl al-Majājī, *Aḥkām 'Aqd al-Bay' fī al-Fiqh al-Islāmiyyah al-Mālikiy*, 347.

Manakala mengikut jumhur Ulama, yang dijadikan acuan dalam pengambilan keuntungan adalah semua kos yang telah dikeluarkan (seperti yang telah didetaillkan di atas).<sup>80</sup>

**Contoh Penentuan Keuntungan Mengikut Jumhur Ulama:<sup>81</sup>**

Harga kain	RM. 100.00	}	RM. 140.00
Upah mewarnai	RM. 15.00		
Upah menjahit	RM. 25.00		
Upah Broker	RM. 20.00	}	RM. 40.00
Upah pemindahan	RM. 10.00		
<u>Kos Pentadbiran</u>	<u>RM. 10.00</u>		
<b>Jumlah</b>	<b>RM. 180.00</b>		

Jika penjual ingin mengambil keuntungan sebesar 20%, maka dikira :  $180 \times 20\% = 36$ .

Jadilah harga jualan adalah  $180+36 = \text{RM. } 216.00$

## 2.4. Akad *Murābahah* Emas dalam Fiqh Muamalah

### 2.4.1. Emas Sebagai Barang Berharga

Emas merupakan barang yang ramai diminati orang, sebab harga emas kian hari kian naik. Emas dianggap menjadi salah satu pelaburan yang memberi keuntungan kepada pemiliknya.

Emas memiliki nilai yang stabil, kerana itu ianya telah digunakan sebagai alat tukar (wang) semenjak zaman Romawi, iaitu sekitar 46 SM. Emas juga digunakan sebagai alat tukar (wang) yang dikenali dengan dinar dan dirham sejak awal Islam, sama

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> *Ibid.*, 36.

ada untuk aktiviti ibadah seperti zakat, mapun aktiviti muamalah seperti *diyāt* sampai berakhirnya kekhilafahan Uthmaniyyah Turki pada tahun 1924.<sup>82</sup>

Dengan berakhirnya kekhilafahan Uthmaniyyah Turki, maka bermula banyak digunakan mata wang kertas sebagai alat transaksi, namun ianya masih lagi bersandarkan kepada nilai emas sehingga tahun 1971. Pada tahun 1973 pertumbuhan mata wang kertas tidak dapat terkawal lagi dan tidak lagi disandarkan kepada emas sehingga ianya menjadi mata wang resmi yang dipakai untuk aktiviti perekonomian dunia.<sup>83</sup>

Saat ini, emas tidak lagi digunakan sebagai alat transaksi. Namun ianya lebih berfungsi sebagai perhiasan, sarana menyimpan dan melindungi nilai asset dan juga sebagai alat pelaburan. Selain itu, harga emas juga berfungsi sebagai indikator pertumbuhan ekonomi global, utamanya yang berkaitan dengan inflasi dan harga minyak mentah dunia.<sup>84</sup>

#### 2.4.2. Hukum Jual Beli Emas Secara Tidak Tunai

Emas bukanlah barang yang diharamkan dalam jual beli. Namun, ianya merupakan salah satu daripada barang ribawi, sepetimana dinyatakan dalam hadith Nabi saw:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ  
بِالْمِلْحِ مِثْلًا يُمْثِلُ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدَا يَبْدِلُ فَإِذَا اخْتَلَقَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَيَعْوُا كَيْفَ  
شِئْشُمْ إِذَا كَانَ يَدَا يَبْدِلُ

Terjemahan: “(pertukaran) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, garam dengan garam

<sup>82</sup> Muhammin Iqbal, *Dinar the Real Money* (Jakarta: Gema Insani, 2009) 30.

<sup>83</sup> Salmy Edawati binti Yaacob, “Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia,” *Jurnal Tamaddun* 4 (Disember 2009), 107.

<sup>84</sup> William Tanuwidjaja, *Cerdas Investasi Emas* (Jogjakarta: MedPress, 2009), 27.

harus setara dan tunai. Apabila lain jenisnya maka juallah atas kehendak kalian tetapi harus tunai”<sup>85</sup>

Kerana ianya merupakan barang ribawi, maka berdasarkan hadith di atas pula apabila berlaku pertukaran antara barang riba yang sejenis seperti emas dengan emas atau perak dengan perak mestilah dilakukan secara tunai dan sama takarannya.<sup>86</sup>

Ibn Qudāmah berpendapat bahawa menjual barang ribawi yang sama ‘illahnya mesti dilakukan secara tunai.<sup>87</sup> Demikian pula dengan ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuhailī juga berpendapat bahawa menjual emas (dengan wang) secara tidak tunai ialah tidak dibolehkan.<sup>88</sup> Berdasarkan hadith daripada Abū Sa‘d al-Khudrī r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَا تبِيعُوا الْذَّهَبَ بِالْذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا مِثْلًا وَلَا تَشْفُوْءُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا الْوَرْقَ بِالْوَرْقِ

إِلَّا مِثْلًا مِثْلًا وَلَا تَشْفُوْءُوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ

Terjemahan: “Jangan engkau menjual (menukar) emas dengan emas melainkan setara satu sama lain, dan janganlah engkau melebihkan sebahagiannya di atas sebahagian lainnya. Janganlah engkau menjual (menukar) perak dengan perak melainkan setara satu sama lain, dan janganlah engkau melebihkan sebahagiannya di atas sebahagian yang lain. Dan janganlah engkau menjual (menukar) emas/perak yang diserahkan

<sup>85</sup> Hadith riwayat muslim, Kitāb al-Masāqāt, Bāb al-Šarf wa Bay‘ al-Dhabab bi al-Wariq Naqdan, no. Hadith 4147. Lihat Abū al-Husaynī Muslim al-Ḥujjāj Ibn Muslim al-Qushairī, *Šaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, t.t.).

<sup>86</sup> ‘Alī Muhyī al-Dīn ‘Alī al-Qarhdāghī, *Buhūth fī al-Iqtisād al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah) 138.

<sup>87</sup> Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, 6:63-64.

<sup>88</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āṣirah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2002), 133. Lihat juga Wahbah al-Zuhailī, *Fatāwā ‘Aṣriyyah* (Beirut: Dār al-Khair, 2005), 115.

secara tunai dengan emas/perak yang diserahkan tidak secara tunai (tempoh).”<sup>89</sup>

Dan juga hadith daripada Umar r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الذهب بالورق ربا إلا هاء وفاء

“(menukar) Emas dengan perak adalah riba kecuali secara tunai.”<sup>90</sup>

Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Khālid Ibnu Sa‘ūd Bulīhud (Ahli Persatuan Ulama Sunnah Saudi), ketika beliau ditanyai masalah jual beli emas menggunakan *fulūs* (wang) secara ansuran, maka beliau mengatakan “Apabila seseorang membeli emas menggunakan *fulūs* (wang), maka hendaklah dibayar dengan tunai dan barang mesti diserahkan dalam majlis akad. Jika tidak dibayar tunai maka jual beli tersebut adalah batil kerana ianya tergolong riba. Terdapat 3 syarat dalam jual beli emas, iaitu:

1. Jual beli emas dengan barang yang sama jenis dan ‘*illah*-nya, maka jual beli mesti tunai dan setara nilainya.
2. Jual beli emas dengan barang lain yang tidak sama jenisnya namun sama ‘*illah*-nya, maka jual beli boleh tidak setara nilainya tapi mesti tunai bayarannya.
3. Jual beli emas dengan barang lain yang tidak sama jenis dan ‘*illah*-nya, maka dibolehkan tidak setara dan tidak tunai bayarannya.

Para ulama juga telah sepakat ke atas aturan tersebut. Kerana itu, tidak boleh jual beli emas dengan mana-mana mata wang secara ansuran.<sup>91</sup>

<sup>89</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb Buyū‘, bāb: Bay‘ al-Fiḍḍah bi al-Fiḍḍah. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Markaz al-Dirāsāt wa al-I'lām, t.t), 3:30.

<sup>90</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārah, Bāb Ṣarf al-Dhahab bi al-Wariq. Lihat Muḥammad Ibnu Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Bānī (Beirūt: al-Maktabah al-Ma‘ārif), 388.

<sup>91</sup> Khālid Ibnu Sa‘ūd Bulīhud, “Hukum Jual Beli Emas Secara Ansuran”, laman sesawang *Saadid*, dicapai 8 Mac 2013, <http://www.saaid.net/Doat/binbulihed/f/209.htm>

Namun demikian, ada beberapa ulama yang mengharuskan bahawa jual beli emas menggunakan wang secara tunai kerana emas pada masa ini dianggap telah keluar dari golongan barang ribawi dan tidak dihukumi mengikut kepada hukum barang ribawi. Antara Ulama yang berpendapat seperti ini ialah:

1. Ibn Taimiyyah dalam kitab “*al-Ikhtiyārāt*” mengatakan bahawa diharuskan jual beli barang perhiasan yang terbuat daripada emas dan perak dengan barang sejenisnya tanpa disyaratkan mesti setara dan diharuskan untuk melebihkan (salah satu jenis) ketika dicetaknya, sama ada pembayaran dilakukan tunai atau tidak sepanjang apa yang dicetak itu tidak dimaksudkan untuk *thaman* (wang atau alat tukar).<sup>92</sup>
2. Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam kitab “*I'lām al-Muwaqqi'iñ*” mengatakan bahawa sepanjang emas dan perak dibuat untuk perhiasan, maka ia tidak dianggap sebagai *thaman*, tetapi dianggap sebagai barang (*sil'ah*) dan dihukumi sepertimana *sil'ah-sil'ah* umumnya.<sup>93</sup>
3. Syaikh Alī Jum'ah dalam kitabnya “*al-Kalim al-Tayyib Fatāwā 'Asriyyah*” mengatakan tentang keharusan jual beli emas dan perak yang telah dicetak (bukan untuk *thaman*) dengan cara ansuran di mana keduanya tidak lagi dianggap sebagai alat tukar dan hanya menjadi barang (*sil'ah*) seperti barang lainnya yang dijualbelikan secara tunai ataupun bertempoh. Pada keduanya tidak terdapat lagi (hukum) dinar dan dirham yang dalam (pertukarannya) mesti tunai dan diserahkan dalam majlis sepertimana dimuat dalam hadith nabi saw “*Jangan engkau menjual (menukar) emas dengan emas melainkan setara satu sama lain dan janganlah engkau menjual (menukar) emas/perak yang diserahkan secara tunai dengan emas/perak yang diserahkan tidak secara tunai*

<sup>92</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan al-Bālī, *al-Ikhtiyārāt al-Fiqhiyyah Min Fatāwā Syaikh al-Islām Ibn Taimiyyah*, (Kaherah: Dār al-Istiqlām, 2005), 127.

<sup>93</sup> Shams al-Dīn Abī 'Ubaid Allāh Muhammad Ibn Abī Bakr, Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 105.

(tempoh). ” Beliau mengatakan bahawa hadith ini mengandungi ‘illah iaitu emas dan perak merupakan alat tukar di masyarakat. Pada saat ini kondisi tersebut (emas dan perak sebagai alat tukar) tidak wujud lagi, maka hukum tersebut juga tidak wujud, kerana kewujudan hukum mengikut kepada ada atau tidak adanya ‘illah. Atas dasar itu, maka tidak ada larangan syarak untuk melakukan jual beli emas yang telah dicetak (bukan untuk *thaman*) secara ansuran.<sup>94</sup>

Di Indonesia, DSN-MUI telah mengeluarkan fatwa yang membolehkan transaksi emas secara tidak tunai. Dan disebabkan ramainya permintaan masyarakat terhadap pemilikan emas, maka DSN-MUI juga mencadangkan adanya produk *murābahah* emas di bank Syariah. Produk tersebut dapat digunakan masyarakat untuk melabur dengan pemilikan emas. DSN-MUI telah meminta Bank Indonesia (bank pusat) untuk membuat ketetapan berkaitan dengan produk *murābahah* emas di bank Syariah.<sup>95</sup>

Sebelumnya di salah satu perbankan Syariah telah ada transaksi serupa, iaitu Pemilikan Logam Mulia (KLM), yang merupakan produk pembiayaan emas berdasarkan akad *Qarḍ*. Namun program tersebut untuk sementara dihentikan oleh bank pusat. Atas sebab itu pula perbankan Syariah mendesak bank pusat untuk segera menerbitkan aturan produk *murabahah emas*, produk pembiayaan untuk pemilikan emas dengan cara ansuran.<sup>96</sup>

---

<sup>94</sup> ‘Alī Jum‘ah, *al-Kalim al-Tayyib Fatāwā ‘Asriyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2006), 136.

<sup>95</sup> Laman sesawang *Syariah Mandiri*, dicapai 27 Jun 2012,

<http://www.Syariahmandiri.co.id/2012/01/murabahah-emas-jadi-sarana-investasi/>.

<sup>96</sup> Laman sesawang *Bisnis*, dicapai 27 Jun 2012, <http://www.bisnis.com/articles/murabahah-emas-perbankan-Syariah-minta-bi-terbitkan-aturan-baru>.

## **2.5. Kesimpulan**

Dalam fiqh muamalah, *murābahah* adalah salah satu jenis jual beli yang diharuskan dalam syarak. Iaitu berdasarkan dalil daripada al-Qur'an, al-Hadist, kaedah usul fiqh serta fatwa ulama. Menurut beberapa takrifan yang diberikan oleh ulama, *murābahah* merupakan jual beli pada harga awal (modal) ditambah keuntungan, sama ada penggabungan harga (modal+keuntungan) atau juga pengasingan harga antara modal dan keuntungan.

Kerana *murābahah* merupakan salah satu jenis jual beli, maka secara umum syarat dan rukunnya mengikut kepada syarat dan rukun jual beli, namun begitu terdapat beberapa syarat tambahan dalam *murābahah* dikeranakan sifatnya yang lebih khusus daripada jual beli secara umum.

Namun *murābahah* emas dengan pembayaran secara bertempoh atau ansuran masih lagi menjadi perbincangan hangat dalam muamalah semasa. Adanya perbezaan pandangan ulama tentang aturan jual beli emas merupakan suatu masalah yang perlu dikaji dan dibahas lebih mendalam.